

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

3. Berapa ramaikah atlet yang dilantik di bawah MSNPP bagi menghadapai SUKMA 2020?
 - (a) Apakah nisbah pakar nutrisi, psikologi, rehab terapi kepada atlet dan adakah jumlah ini mencukupi bagi membantu mencapai hasrat jumlah pingat Pulau Pinang di SUKMA 2020?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Pada peringkat pertama tapisan kelayakan SUKMA 2020, seramai 723 orang atlet telah disenaraikan. Walau bagaimanapun, jumlah atlet akan ditentukan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bersama Persatuan Sukan Negeri Pulau Pinang yang dijangka diadakan pada 19 Mei 2020 untuk menyenarai pendekkan atlet-atlet yang layak mewakili Negeri Pulau Pinang dalam SUKMA 2020.

Perjawatan pegawai sains sukan sedia ada di Unit Sains Sukan, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) adalah seperti berikut:-

- (i) 1 Pegawai Suaian Fizikal/Fisiologi Senam
- (ii) 1 Pegawai Pemakanan Sukan & Nutrisi
- (iii) 1 Pegawai Pemakanan Sukan (Sambilan)
- (iv) 1 Pegawai Rehab Terapi

- (v) 1 Pegawai Psikologi (Sambilan)
- (vi) 2 Jurulatih Fizikal Gimnasium
- (vii) 2 Pegawai Fisioterapi (Sambilan)

MSNPP mendapati bilangan tersebut masih belum mencukupi untuk memberikan perkhidmatan dan sokongan kepada atlet-atlet. Oleh yang demikian, MSNPP dalam proses penstrukturkan semula Unit Sains Sukan bagi menambah bilangan pegawai yang berkelayakan dan berkemahiran.